



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI BAGI PROJEK
PENGELUARAN BAHAN MAKANAN
YANG DILULUSKAN**

KETETAPAN UMUM NO. 5/2023

TARIKH PENERBITAN: 20 NOVEMBER 2023

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	2
4. Pengenalan	3
5. Projek Yang diluluskan	3
6. Orang Yang Melaksanakan Suatu Projek Bahan Makanan Yang Diluluskan	4
7. Syarikat Pelabur	10
8. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967	15
9. Penafian	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi insentif projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di Malaysia yang boleh dipohon oleh orang yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8 dan Jadual 3.
- 2.3 Perundangan subsidiari yang berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2001 [P.U.(A) 81/2001] berkuatkuasa mulai TT 2001;
 - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) [P.U.(A) 289/2002] 2002 berkuatkuasa mulai TT 2001;
 - (c) Perintah Cukai Pendapatan (Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) (Pindaan) 2003 [P.U.(A) 72/2003] berkuatkuasa mulai 21 September 2002;
 - (d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2006 [P.U.(A) 50/2006] berkuatkuasa mulai TT 2001;
 - (e) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U.(A) 51/2006] berkuatkuasa mulai TT 2001 berkenaan dengan projek baharu dan mulai TT 2002 berkenaan dengan projek pembesaran;
 - (f) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2006 [P.U.(A) 55/2006] berkuatkuasa mulai TT 2001;
 - (g) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2011 [P.U.(A) 166/2011] berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2005;

- (h) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2011 [P.U.(A) 167/2011] berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2005;
- (i) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [P.U.(A) 373/2020] berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016;
- (j) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2020 [P.U.(A) 374/2020] berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016;
- (k) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 (Pindaan) 2022 [P.U.(A) 352/2022] disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2016 kecuali perenggan 4 berhubung dengan subsubperenggan 5A(1)(f) dan (g) yang baharu bagi Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [P.U.(A) 373/2020] yang disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021; dan
- (l) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2022 [P.U.(A) 351/2022] berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Menteri”, kecuali di mana terdapatnya sebutan khusus kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), ertinya Menteri Kewangan.
- 3.2 “Pelaburan” ertinya suatu pelaburan dalam bentuk wang tunai atau pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan saham biasa dalam suatu syarikat berkaitan.
- 3.3 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu TT, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 “Pendapatan larasan” berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5 “Tahun asas” ertinya tahun kalendar yang berbetulan dengan TT.
- 3.6 “Tahun taksiran” ertinya tahun kalendar.
- 3.7 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, punca seseorang tersebut dan

suatu TT, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, sepertimana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Pengenalan

Insentif cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan diberikan bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam sektor pertanian. Orang yang terlibat dalam sektor pertanian yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan perlu mengambil masa yang panjang untuk mencapai pulangan kerana melibatkan tempoh pelaburan yang panjang berbanding sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan. Ini adalah disebabkan risiko ketidaktentuan cuaca, harga pasaran, tempoh kematangan yang panjang, kerumitan proses perolehan tanah pertanian dan kesukaran mendapatkan pembiayaan.

Insentif ini adalah terpakai kepada:

- (a) orang yang layak yang menjalankan atau berhasrat untuk menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan; dan
- (b) syarikat yang membiayai projek dalam syarikat berkaitan yang merupakan syarikat pelaksana bagi projek baharu pengeluaran bahan makanan yang diluluskan.

5. Projek Yang Diluluskan

Projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Tarikh Kuat Kuasa
(i)	Penanaman kenaf, tanaman industri, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah, atau tanaman kontan;	Mulai TT 2001 kecuali tanaman industri dan tanaman kontan (mulai 1.1.2016) dan permohonan bagi penanaman kenaf telah berakhir pada 31.12.2015.
(ii)	Akuakultur;	Mulai TT 2001
(iii)	Penternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri, atau rusa;	Mulai TT 2001 kecuali kerbau (mulai 1.10.2005) dan rusa (mulai 1.1.2016)
(iv)	Perikanan laut dalam;	Mulai 21.9.2002
(v)	Apikultur (penternakan lebah madu atau kelulut);	Mulai 1.1.2016
(vi)	Penanaman makanan ternakan yang diusahakan dalam suatu	Mulai 1.1.2016

	projek yang dikenal pasti oleh KPKM bagi projek itu dan diluluskan oleh Menteri;	
(vii)	Perikanan laut lepas; atau	Mulai 1.1.2021
(viii)	Penanaman biji benih untuk agromakanan.	Mulai 1.1.2021

6. Orang Yang Melaksanakan Suatu Projek Bahan Makanan Yang Diluluskan

6.1 Orang yang layak

Orang yang melaksanakan suatu projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan seperti berikut:

- (a) Syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) Koperasi berasaskan pertanian;
- (c) Persatuan Peladang Kawasan;
- (d) Persatuan Peladang Persekutuan;
- (e) Persatuan Peladang Negeri;
- (f) Persatuan Nelayan Kawasan;
- (g) Persatuan Nelayan Persekutuan;
- (h) Persatuan Nelayan Negeri; dan
- (i) Syarikat milikan tunggal, perkongsian atau persatuan yang terlibat dalam pertanian atau perikanan semata-mata bagi projek yang diluluskan.

6.2 Permohonan dan Kelulusan bagi Pengecualian Cukai

Permohonan bagi insentif projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan hendaklah dibuat dan dikemukakan kepada KPKM. Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan prosedur permohonan bagi projek yang diluluskan ini, sila rujuk laman sesawang KPKM di <https://www.kpk.m.gov.my/insentif-cukai>.

6.3 Orang yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai dalam projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan hendaklah memohon untuk insentif bagi projek baharu atau projek pembesaran pengeluaran bahan makanan di mana:

- (a) suatu permohonan yang dikemukakan kepada KPKM bagi projek yang diluluskan itu dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) projek tersebut belum bermula pada tarikh permohonan itu diterima oleh KPKM; dan
- (c) projek bermula dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan diberikan oleh KPKM.

6.4 Permohonan bagi insentif ini perlulah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPKM. Kriteria adalah termasuk jenis, spesis, keluasan tanaman/ ternakan, hasil keluaran minimum atau kriteria lain yang ditentukan oleh KPKM. Permohonan yang tidak memenuhi kriteria minimum ini boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai kriteria lain seperti penggunaan teknologi, mempunyai nilai komersial, jumlah pengeluaran tinggi dan pengeluaran bernilai tinggi. Maklumat lanjut berkaitan kriteria ini boleh dirujuk kepada Garis Panduan Permohonan Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah ACP 1967 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain daripada kriteria yang ditetapkan, orang yang layak juga perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh KPKM seperti dalam surat kelulusan sebelum pengecualian cukai boleh dituntut.

6.5 Terdapat dua (2) kategori projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan yang boleh diberikan di bawah insentif ini:

- (a) Projek baharu

Projek baharu ialah projek pertama yang dijalankan oleh orang yang layak bagi melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dan projek tersebut diluluskan oleh Menteri.

Sekiranya orang yang diluluskan projek baharu ini berhasrat untuk membuat pembesaran (penambahan kawasan, penambahan/ penukaran spesis daripada kategori projek yang sama) dalam tempoh kelulusan pengecualian, orang tersebut perlu mengemukakan permohonan kepada KPKM. Kelulusan adalah tertakluk kepada baki tempoh pengecualian galakan yang telah diluluskan.

(b) Projek pembesaran

Projek pembesaran ialah suatu projek yang dijalankan oleh orang yang layak bagi maksud membesarkan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan yang sedia ada di mana projek pembesaran itu:

- (i) tidak pernah diberi pengecualian cukai;
- (ii) melibatkan suatu kawasan tanah baharu; dan
- (iii) diluluskan oleh Menteri.

Pertambahan kawasan tanah baharu bagi projek pembesaran ini merujuk kepada selain daripada kawasan tanah yang sedang diusahakan bagi aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur (kolam).

Contoh 1

Durian King Sdn. Bhd. (DKSB) adalah sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti penanaman pokok durian. DKSB telah memohon untuk mendapatkan insentif cukai bagi projek baharu pengeluaran bahan makanan yang diluluskan pada 1.1.2023. Berdasarkan laporan penilaian yang dibuat oleh KPKM, didapati pokok durian yang ditanam telah berusia tiga (3) tahun.

Oleh itu, DKSB tidak layak diberikan insentif bagi projek pengeluaran bahan makanan kerana aktiviti tanaman telah bermula sebelum permohonan diterima oleh Menteri.

Contoh 2

Red Dragon Sdn. Bhd. (RDSB) adalah sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti penanaman pokok pitaya. RDSB telah memohon untuk mendapatkan insentif cukai bagi projek pembesaran bagi tanaman pokok tembikai di kawasan bersebelahan dengan tanaman pokok pitaya. Jenis tanaman kedua-duanya adalah berbeza.

RDSB tidak layak diberikan insentif bagi projek pembesaran pengeluaran makanan kerana jenis tanaman bagi projek pembesaran adalah berbeza dengan penanaman sedia ada.

6.6 Pengecualian cukai pendapatan

Pengecualian cukai pendapatan bagi projek yang diluluskan adalah seperti berikut:

(a) Projek baharu

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh sepuluh (10) tahun taksiran (TT) berturut-turut, bermula dari TT pertama orang yang layak memperoleh pendapatan berkanun berkaitan projek yang diluluskan.

(b) Pembesaran projek sedia ada

Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh lima (5) TT berturut-turut bermula dari TT pertama orang yang layak memperoleh pendapatan berkanun berhubung dengan projek sedia ada dan projek pembesaran itu. TT pertama pengecualian hendaklah tidak boleh lebih awal daripada TT bagi tempoh asas di mana tarikh kelulusan Menteri diterima.

Orang yang telah diberi kelulusan perlu memastikan bahawa kesemua syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan telah dipatuhi sebelum pengecualian cukai boleh dinikmati atau diberi kesan.

Contoh 3

Amazing Mango Sdn. Bhd. (AMSB) (tahun kewangan berakhir setiap 31 Disember) telah diluluskan pengecualian cukai bagi projek baharu bagi menjalankan penanaman mangga. AMSB telah memohon insentif dan mendapat kelulusan projek makanan yang diluluskan pada 22.2.2016. Aktiviti penanaman mangga bermula dalam tahun 2017. AMSB telah mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan di dalam surat kelulusan. AMSB memperoleh pendapatan berkanun pertama dalam TT 2022.

Oleh itu, AMSB layak menikmati pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun berkaitan projek penanaman mangga selama 10 TT berturut-turut mulai TT 2022 sehingga TT 2031.

Contoh 4

Nanas Jambul Sdn. Bhd. (NJSB) (tahun kewangan berakhir setiap 30 April) adalah sebuah syarikat penanaman nenas yang telah bermula sejak 2014. Lokasi penanaman adalah di Lot 368. NJSB tidak pernah mendapat kelulusan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan. Pada 1.1.2018, NJSB telah memohon kelulusan bagi projek pembesaran tanaman nenas miliknya dan telah diluluskan pada 6.5.2020. Lokasi penanaman bagi projek pembesaran dilakukan di kawasan berdekatan iaitu di Lot 389 seluas 6 hektar.

NJSB telah memperoleh pendapatan berkanun bagi penanaman nenas sedia ada mulai 2017. NJSB telah mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan di dalam surat kelulusan bagi projek pembesarannya. Pendapatan berkanun pertama bagi projek pembesaran hanya bermula dalam TT 2022.

Oleh itu, NJSB layak menuntut pengecualian cukai bagi tempoh lima (5) TT berturut-turut bagi keseluruhan projek sedia ada dan projek pembesaran berkaitan penanaman nenas mulai TT 2022 sehingga TT 2026.

6.7 Elaun Modal di bawah Jadual 3

Pendapatan berkanun bagi projek baharu atau projek pembesaran dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan akan ditentukan selepas ditolak elaun di bawah Jadual 3 walaupun tiada tuntutan elaun sedemikian dibuat.

Sekiranya aset yang digunakan untuk tujuan projek baharu atau projek pembesaran juga digunakan untuk tujuan projek yang lain dalam tempoh yang sama, elaun modal tersebut akan dibahagikan dan dikurangkan sewajarnya dengan mengambil kira takat aset digunakan bagi tujuan projek tersebut.

6.8 Kerugian

Apa-apa jumlah kerugian larasan yang dialami dalam TT sebaik sebelum tempoh pengecualian bermula dan dalam tempoh pengecualian hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun projek selepas berakhirnya tempoh pengecualian sehingga diserap sepenuhnya.

Kerugian larasan yang dibawa ke hadapan dan telah digunakan tidak akan diambil kira bagi tujuan potongan di bawah subseksyen 43(2) dan kerugian tahun semasa di bawah subseksyen 44(2) ACP.

Contoh 5

Fakta sama seperti Contoh 3. AMSB mempunyai rugi yang boleh dihantar ke hadapan daripada TT sebelum tempoh pengecualian iaitu daripada TT 2017 hingga TT 2021 berjumlah RM150,000. AMSB juga mempunyai rugi bagi TT 2027 iaitu semasa tempoh pengecualian. Rugi TT 2027 juga boleh dihantar ke hadapan ke TT 2032.

Oleh itu, rugi berjumlah RM198,000 (RM150,000 bagi TT 2017 hingga TT 2021) dan RM48,000 (bagi TT 2027) akan dihantar ke hadapan ke TT 2032.

Rugi tersebut hendaklah diserap sepenuhnya daripada pendapatan berkanun berkaitan aktiviti perniagaan yang sama.

TT 2017 – TT 2021	TT 2022 – TT 2031	TT 2032 dan TT seterusnya
Rugi TT 2017 – TT 2021 boleh h/h ke TT 2032 (RM150,000)	TT dikecualikan (10 TT berturut-turut) TT 2022 hingga TT 2031 Rugi TT 2027 boleh h/h ke TT 2032 (RM48,000)	Rugi b/h daripada TT 2017 – TT 2021 & rugi b/h daripada TT 2027 berjumlah RM198,000 (RM150,000 + RM48,000) boleh digunakan untuk diserap dalam TT 2032 dan TT seterusnya sehingga diserap sepenuhnya.
TT – Tahun Taksiran h/h – dihantar ke hadapan b/h – dibawa ke hadapan		Rugi hendaklah diserap sepenuhnya daripada PB berkaitan aktiviti perniagaan yang sama.

6.9 Penarikan Balik Pengecualian Cukai

Jika orang yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian cukai, Menteri berhak menarik balik semua pengecualian pendapatan berkanun yang diberikan.

6.10 Akaun Berasingan

Orang yang layak yang diberikan pengecualian cukai hendaklah menyelenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada projek yang lain.

6.11 Ketidapkakaian

Insentif cukai ini tidak terpakai kepada bagi orang yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun yang telah diberikan –

- telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- telah membuat suatu tuntutan bagi elaun di bawah Jadual 7A atau 7B ACP;
- telah diberikan suatu pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP;

- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP kecuali –
- i. kaedah-kaedah yang berhubung dengan elaun dalam Jadual 3 ACP;
 - ii. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U.(A) 129/2006];
 - iii. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [P.U. (A) 162/2020].

7. Syarikat Pelabur

7.1 Permohonan dan kelulusan potongan cukai

Permohonan bagi insentif potongan pelaburan bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan hendaklah dikemukakan kepada KPKM dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan prosedur permohonan bagi insentif ini, sila rujuk laman sesawang KPKM di <https://www.kpkkm.gov.my/insentif-cukai>.

7.2 Syarikat yang layak menuntut potongan adalah:

- (a) syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) bermastautin di Malaysia dan sekurang-kurangnya enam puluh peratus (60%) modal syer berbayar berkenaan saham biasa dipegang secara langsung oleh warganegara Malaysia;
- (c) membuat pelaburan dalam syarikat berkaitan yang melaksanakan suatu projek baharu pengeluaran bahan makanan yang diluluskan;
- (d) memiliki sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) modal syer berbayar berkenaan saham biasa syarikat dalam syarikat berkaitan;
- (e) membuat suatu permohonan yang dikemukakan kepada KPKM bagi suatu projek baharu pengeluaran bahan makanan dalam tempoh yang ditentukan;
- (f) melabur dalam bentuk wang tunai dan pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan saham biasa dalam suatu syarikat berkaitan dan amaun hendaklah munasabah dengan saiz projek berkenaan; dan

- (g) membiayai projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan yang berkaitan kos perbelanjaan modal dan modal kerja.

7.3 Syarikat berkaitan (syarikat pelaksana bagi projek pengeluaran makanan yang diluluskan)

Syarikat berkaitan bagi tujuan pelaburan projek pengeluaran bahan makanan diluluskan bermaksud:

- (a) syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) bermastautin di Malaysia dan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) modal syer berbayar berkenaan saham biasa syarikat tersebut dimiliki secara langsung oleh suatu syarikat pelabur; dan
- (c) membuat suatu permohonan yang dikemukakan kepada KPKM bagi suatu projek baharu pengeluaran bahan makanan dalam tempoh yang ditentukan.

7.4 Layanan Cukai

7.4.1 Syarikat pelabur yang membuat pelaburan dalam syarikat berkaitan diberikan suatu potongan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu amaun bersamaan dengan nilai pelaburan semata-mata membiayai projek baharu pengeluaran bahan makanan.

7.4.2 Nilai pelaburan yang dituntut sebagai potongan bagi maksud mendapatkan pendapatan larasan syarikat pelabur:

- (a) hendaklah bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat berkaitan dalam tempoh asas bagi TT yang sama;
- (b) hendaklah dibuat bagi suatu tempoh dan pada takat suatu amaun yang diluluskan oleh Menteri melalui KPKM;
- (c) hendaklah tidak dilupuskan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pelaburan terakhir dibuat jika pelaburan itu adalah dalam bentuk pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan saham biasa; dan
- (d) permohonan bagi penambahan pelaburan perlulah dikemukakan kepada KPKM berserta justifikasi dan hanya layak dipohon sebelum tempoh pengecualian cukai syarikat berkaitan

yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan bermula.

- 7.4.3 Potongan cukai boleh dituntut oleh suatu syarikat adalah tiga (3) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran permohonan syarikat pelabur diluluskan oleh Menteri.
- 7.4.4 Sekiranya pelaburan dalam bentuk modal syer berbayar dilupuskan dalam tempoh selepas lima (5) tahun dari tarikh pelaburan terakhir itu dibuat, maka layanan cukai ini adalah tidak terpakai.
- 7.4.5 Jika syarikat yang telah membuat suatu pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar saham biasa dan menuntut potongan berhubung dengan pelaburan itu menerima suatu amaun sebagai balasan bagi pelupusan saham, amaun yang diterima oleh syarikat itu sebagai balasan kepada pelupusan saham tersebut, hendaklah ditambah balik dalam menentukan pendapatan larasannya dalam tempoh asas bagi TT yang amaun itu diterima.
- 7.4.6 Amaun pelaburan yang ditambah balik yang disebut dalam perenggan 7.4.5 atau pendapatan larasan hendaklah tidak melebihi jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan.

Contoh 6:

Ohana Ventures Sdn Bhd (OVSB) telah diluluskan potongan atas pelaburan dalam syarikat berkaitan yang melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan. Pelaburan yang diambilkira adalah semata-mata bagi perbelanjaan modal dan perbelanjaan modal kerja. OVSB juga bercadang untuk melabur dalam bentuk bayaran pendahuluan atau pinjaman kepada syarikat berkaitan.

OVSB tidak layak menuntut potongan dalam bentuk bayaran pendahuluan atau pinjaman kepada syarikat berkaitan. Walau bagaimanapun, sekiranya pemberian bayaran pendahuluan atau pinjaman yang dibelanjakan untuk perbelanjaan modal dan modal kerja ditukar kepada ekuiti/ saham biasa, OVSB layak diberi potongan dengan syarat pertukaran ini hendaklah dalam tempoh projek itu masih berjalan dan tempoh pengecualian cukai untuk syarikat berkaitan belum bermula atau dalam tempoh yang ditentukan oleh Menteri dalam surat kelulusan setelah bayaran pendahuluan/ pinjaman diberi, yang mana lebih awal.

7.5 Pemberhentian Potongan

Tuntutan potongan oleh syarikat pelabur adalah tidak dibenarkan dalam tempoh asas bagi TT di mana syarikat pelaksana mendapat pendapatan berkanun pertamanya daripada projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan.

7.6 Ketidakpakaian

Insentif cukai ini tidak terpakai kepada suatu syarikat yang –

- (a) telah diberikan suatu pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP;
- (b) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP kecuali –
 - i. kaedah-kaedah yang berhubung dengan elaun dalam Jadual 3 ACP;
 - ii. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U.(A) 129/2006*];
 - iii. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U.(A) 162/2020*].

Contoh 7:

Mega City Sdn Bhd (MCSB) merupakan syarikat pemaju hartanah dan pemegang 100% saham dalam XYZ Sdn Bhd (XYZ) (kedua-dua tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun) yang mendapat kelulusan melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan bagi mengeluarkan cendawan. MCSB telah membuat pelaburan dalam XYZ dan telah memohon untuk mendapatkan insentif potongan cukai. Permohonan telah diluluskan pada 24.2.2022. Pelaburan yang diluluskan adalah berjumlah RM25,000,000 bagi pembelian loji dan jentera termasuk modal kerja.

Berikut adalah maklumat pelaburan yang dilakukan oleh MCSB dan perbelanjaan yang dilakukan oleh XYZ:

Perkara	Maklumat Pelaburan MCSB			Jumlah
Tarikh Pelaburan	31.3.2022	30.4.2023	30.12.2024	
Nilai Pelaburan MCSB	RM20,000,000	RM3,000,000	RM3,000,000	RM26,000,000
Jenis Pelaburan	modal saham	modal saham	tunai	
Perbelanjaan yang Dilakukan oleh XYZ	RM22,000,000	RM2,500,000	RM4,000,000	RM28,500,000

Potongan yang layak dituntut oleh MCSB adalah seperti berikut:

Perkara	TT 2022 (RM)	TT 2023 (RM)	TT 2024 (RM)
Pendapatan pasaran perniagaan	30,000,000	27,000,000	32,000,000
Tolak: Potongan bagi pelaburan dalam XYZ	20,000,000 ¹	2,500,000 ²	terhad 2,500,000 ³
Tolak: Elaun Modal	2,000,000	1,200,000	1,000,000
Pendapatan berkanun	8,000,000	23,300,000	28,500,000

Nota:

¹ MCSB layak menuntut potongan pelaburan berjumlah RM20,000,000. Amaun yang boleh dituntut adalah terhad kepada amaun pelaburan yang dilakukan dalam XYZ.

² MCSB layak menuntut potongan berjumlah RM2,500,000. Amaun adalah terhad kepada jumlah yang dibelanjakan oleh XYZ dalam tempoh asas bagi TT 2023.

³ Potongan pelaburan berjumlah RM25,000,000 hendaklah dituntut dalam tempoh 3 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran yang diluluskan oleh Menteri (dari TT 2022 hingga TT 2024). Oleh itu, bagi TT 2024 jumlah baki yang boleh dituntut adalah terhad kepada RM2,500,000 sahaja.

8. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967

Syarikat yang diluluskan tidak dilepaskan daripada mematuhi sebarang kehendak untuk mengemukakan sebarang penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan ACP.

9. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah bagi maksud ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,

Lembaga Dalam Negeri Malaysia.